

Dr. M tolak tanggapan UMNO terlalu mengalah

17 NOV 1999

KUALA LUMPUR 16 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menolak tanggapan bahawa UMNO terlalu banyak bertolak ansur dan mengalah kepada kepentingan golongan bukan Melayu di negara ini.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, apa yang dilakukan oleh UMNO sebagai tonggak gabungan parti-parti yang memerintah selama ini ialah melaksanakan persefahaman yang telah dicapai sebagai sebuah negara berbilang kaum.

“Tidak benar sama sekali. Kita cuma pegang kepada janji dan persefahaman yang kita buat semasa kita mencapai kemerdekaan,” katanya dalam wawancara khas dengan stesen televisyen TV3 malam ini.

Presiden UMNO itu berkata demikian sebagai menjawab soalan mengenai tanggapan kononnya politik Malaysia ialah politik tarik tali antara Melayu dan bukan Melayu. Wawancara itu berlangsung selama sejam.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, rakyat harus menerima hakikat bahawa Malaysia diduduki orang Melayu dan orang bukan Melayu.

“Dengan itu, kita terima yang mereka (bukan Melayu) adalah rakyat negara kita ini. Sebagai rakyat, mereka mesti dilayan sebagai rakyat,” katanya.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri berkata, penduduk bukan Melayu mengiktiraf kedudukan orang Melayu dengan tidak

menyoal hak-hak istimewa yang dimiliki oleh mereka.

“Umpamanya mereka tidak menyoal kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi asalkan mereka bebas menganiuti agama mereka.

Aman

“Mereka tidak menolak bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bahkan ada di kalangan mereka yang lebih fasih berbahasa Melayu baku berbanding orang Melayu sendiri,” katanya.

Persefahaman inilah, menurut beliau, yang menyebabkan negara menjadi aman.

“Kalau kita hendak 100 peratus untuk kita dan kerana ini negara kita tidak aman, tidak dapat dibangunkan, kita boleh da-

pat 100 peratus tetapi apa ia yang ada dalam 100 peratus,” soalnya.

Bagi Perdana Menteri, adalah lebih baik mendapat 50 peratus daripada sesuatu yang wujud daripada mendapat 100 peratus daripada sesuatu yang tidak wujud.

Dr. Mahathir berkata, kalau dulu orang Melayu hanya menanam padi, tetapi kini ada di kalangan mereka yang menjadi usahawan dan peniaga yang berjaya sehingga ada yang dipilih menyertai syarikat gergasi asing sebagai pengarah, pengurus dan sebagainya.

“Itu kita capai kerana negara kita ini aman. Alternatifnya ialah kita berlawan sesama kita, hancurkan negara kita,” katanya.

Mengulas tuntutan 17 perkara yang dikemukakan oleh pertubuhan-pertubuhan Cina, Dr. Mahathir berkata:

“Saya biasa bercakap dengan kaum bukan Melayu dan menjelaskan dalam negara Malaysia yang berbilang kaum ini, tidak akan ada satu kaum mendapat 100 peratus kehendak hati mereka.

“Orang Melayu tak puas hati, orang Cina tak puas hati, orang India pun tak puas hati. Bagi saya ini adalah keadaan yang terbaik.”

Menurut beliau, dalam negara berbilang kaum, jika didapati satu kaum itu terlalu berpuas hati, ini bermakna kaum-kaum lain tidak mendapat bahagian mereka.